

1. _____ perlu dihantar terlebih dahulu sebelum projek itu dilaksanakan.

- ☐ A Inti sari
- ☐ B Daya cipta
- ☐ C Kertas kerja
- ☐ D Reka bentuk



2. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Erman cekap bermain _____ itu kerana dia sudah berlatih selama bertahun-tahun.

- ☐ A kasut roda
- ☐ B roda pandu
- ☐ C papan selaju
- ☐ D papan kekunci

3. Rokiah menjadi _____ setelah dia dilantik menjadi ketua pengurus di pejabatnya.

- ☐ A hidung belang
- ☐ B hidung tinggi
- ☐ C ikut telunjuk
- ☐ D jantung hati

4. Amri dan adiknya pergi ke _____ untuk membeli barang-barang dapur yang dipesan oleh ibu mereka.

- ☐ A balai raya
- ☐ B rumah api
- ☐ C pasar mini
- ☐ D pejabat pos

5. Sekumpulan anggota tentera dari Malaysia diarahkan untuk membersihkan _____ yang ditanam oleh kumpulan pengganas di negara bergolak itu.

- ☐ A periuk api
- ☐ B pemetik api
- ☐ C pelita panjat
- ☐ D minyak tanah

6. Kekerapan makan makanan masin akan menyebabkan seseorang menghidap penyakit _____.

- ☐ A darah tinggi
- ☐ B darah muda
- ☐ C darah panas
- ☐ D tekanan darah

7. Paramedik itu bergegas ke padang untuk memberikan bantuan kecemasan kepada seorang pemain _____ yang pengsan ketika bermain.

- ☐ A bola jaring
- ☐ B bola sepak
- ☐ C bola tampar
- ☐ D bola keranjang

8. Rumah di hujung kampung itu tidak berpenghuni lagi kerana _____nya telah meninggal dunia.

- ☐ A wali hakim
- ☐ B tuan rumah
- ☐ C kongsi gelap
- ☐ D nenek moyang

9. Semenjak ayahnya sakit, Fadilah _____ tugas-tugas ayahnya di pejabat.

- ☐ A mengambil berat
- ☐ B mengubah suai
- ☐ C mengambil alih
- ☐ D menaik taraf

10. Penyanyi tersohor itu mengumumkan bahawa dia akan mendirikan _____ tidak lama lagi.

- ☐ A rumah persinggahan
- ☐ B rumah tangga
- ☐ C rumah rehat
- ☐ D rumah batu

11. Hamdan berasa _____ kerana menantikan keputusan peperiksaan akhir tahun yang akan dikeluarkan esok.

- ☐ A lemah gemalai
- ☐ B resah gelisah
- ☐ C panas sejuk
- ☐ D suka duka

12. Suasana yang bising di dalam kelas itu sebentar tadi menjadi _____ apabila guru disiplin memasuki kelas tersebut.

- ☐ A letih lesu
- ☐ B sunyi sepi
- ☐ C lemah longlai
- ☐ D resah gelisah

13. _____ itu menjual pelbagai barang keperluan harian dengan harga yang berpatutan.

- ☐ A Pasar mini
- ☐ B Kedai makan
- ☐ C Klinik haiwan
- ☐ D Bengkel kereta

14. Puan Marisa sedang _____ di bilik pembedahan untuk melahirkan anak sulung.

- ☐ A berlapang dada
- ☐ B bertarung nyawa
- ☐ C bergolok bergadai
- ☐ D bersengkang mata

15. Mana-mana individu yang mengunjungi _____ boleh didakwa oleh pihak berkuasa.

- ☐ A pasar raya
- ☐ B pasar gelap
- ☐ C pasar basah
- ☐ D pasar borong

16. Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, urusan perdagangan antara _____ dengan penduduk tempatan menggunakan bahasa Melayu.

- ☐ A buruh binaan
- ☐ B pentadbir awam
- ☐ C pedagang asing
- ☐ D pemimpin kerajaan

17. Pihak berkuasa telah mengetatkan kawalan di _____ negara untuk mencegah aktiviti penyeludupan dadah.

- ☐ A jalan mati
- ☐ B daun pintu
- ☐ C jalan pintas
- ☐ D pintu masuk

18. Angkasawan negara telah menjalankan _____ penghabluran protein semasa berada di angkasa lepas.

- ☐ A uji kaji
- ☐ B ulang kaji
- ☐ C kaji hayat
- ☐ D soal siasat

19. Peragawati yang _____ itu sedang memperagakan busana pengantin daripada pereka fesyen terkenal.

- ☐ A cantik jelita
- ☐ B indah permai
- ☐ C segak bergaya
- ☐ D gagah perkasa

20. Penggunaan _____ dalam penulisan karangan murid-murid pada hari ini membimbangkan guru-guru.

- ☐ A tanda baca
- ☐ B daya usaha
- ☐ C buah fikiran
- ☐ D bahasa pasar